

95 penuntut IPT terlibat salah guna dadah

KOSMO 16/2/09 M153

JOHOR BAHRU – Seramai 95 penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini dilaporkan terlibat dalam penyalahgunaan dadah sepanjang tahun lalu.

Mengikut perangkaan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), angka

tersebut statistik yang direkodkan agensi terbabit pada 2008.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), AADK Kebangsaan, Prof. Dr. Mahmood Nazar Mohamed berkata, kebanyakan pelajar menggunakan dadah jenis amphetamine dan ganja.

“Kita sentiasa mencari jalan bagi membasmi penyalahgunaan dadah termasuk mendapatkan kerjasama di kalangan para pelajar dan masyarakat,” katanya selepas Program Memperkasakan Komuniti Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan

Pelancaran Rakan Antidadah (Rada) IPTA Peringkat Negeri Johor di Politeknik Johor Bahru semalam.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Datuk Prof. Mohd. Yusof Kasim pada majlis yang sama berkata, penu-

buhan Rada itu dapat menggerakkan pelbagai program antidadah secara menyeluruh dan berterusan di IPT.

“Ia juga menjadi ‘mata dan telinga’ kepada AADK bagi memerangi ancaman dadah di kampus,” katanya.